



SIARAN MEDIA

KPWKM PERKASAKAN PROGRAM ORGANISASI DALAM KOMUNITI (CBO) BANTU BANGUNKAN GOLONGAN RENTAN

CYBERJAYA, 11 OGOS – YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan perasmian Program Pemerkasaan Dalam Komuniti (CBO) @KPWKM di Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya, Selangor. Program yang dilaksanakan pada hari ini merupakan salah satu usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti yang menganggotai Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization* (CBO) di daerah Sepang sebagai rakan strategik membantu menyantuni kumpulan sasar Kementerian.

Isu penjagaan keselamatan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas serta mangsa keganasan rumahtangga tidak boleh dipandang remeh. Tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan golongan tersebut adalah tanggungjawab bersama semua pihak khususnya komuniti setempat.

Berdasarkan statistik JKM bagi bulan **Januari hingga Jun 2023**, **sebanyak 3,767 kes telah dilaporkan di seluruh negara** bagi kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 794 kes dari Negeri Selangor manakala 58 kes daripada daerah Sepang. Di samping itu, JKM juga telah mengendalikan

sebanyak 402 kes keganasan rumahtangga di Malaysia. Negeri Selangor mencatatkan sebanyak 83 kes dan tujuh (7) daripada jumlah kes tersebut dilaporkan di daerah Sepang.

Dalam usaha untuk membendung peningkatan kes-kes seumpama ini, Kementerian mewujudkan CBO yang menjadi asas kepada pembangunan komuniti yang didorong oleh anggota komuniti itu sendiri. Organisasi tersebut diiktiraf memainkan peranan penting dalam membangunkan komuniti setempat menerusi promosi penglibatan komuniti dan tindakan kolektif ahli komuniti dalam menangani masalah setempat serta memenuhi defisit keperluan komuniti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup.

Dalam majlis ini juga, YB Menteri telah melancarkan **Direktori CBO KPWKM @ Sepang** yang akan digunakan oleh ahli CBO yang telah dilantik oleh KPWKM dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Direktori ini merupakan dokumen rujukan yang digunakan untuk menyantuni kumpulan sasar dalam komuniti sekaligus mempercepatkan tindakan yang boleh diambil di peringkat komuniti.

Kementerian sentiasa peka dan mengatur strategi bagi menangani cabaran era globalisasi yang kian mencabar. Sejajar dengan usaha tersebut, Kementerian menyedari akan kepentingan menggerakkan peranan masyarakat dalam usaha membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial, agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa, dihormati selaras dengan Enam Nilai Teras Malaysia MADANI iaitu Kesejahteraan, yang memfokuskan kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan serta Ihsan.

Turut serta dalam majlis ini ialah YB Aiman Athirah, Timbalan Menteri KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan juga YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Kebajikan Masyarakat (KPKM).

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
11 OGOS 2023**